

Sinar Harian : 26 September 2015

**Penulis ialah Dr. Muhammad Arif B. Mohd Hashim, Yang Dipertua
Gabungan Profesional dan Usahawan Bumiputera Anak Selangor (GIBS)**

BAJET 2015: MEMPERKASA PRASEKOLAH

Bidang pendidikan merupakan pemacu dalam pembentukan modal insan yang berinovatif dan berdaya saing. Usaha mempertingkatkan pembentukannya budaya ilmu perlu dilakukan pada peringkat asas lagi iaitu pendidikan prasekolah bagi kanak-kanak yang berumur empat hingga enam tahun. Ia penting bagi menyuburkan potensi kanak-kanak dalam semua aspek perkembangan menguasai kemahiran asas dan memupuk sikap positif sebagai persediaan masuk ke sekolah rendah.

Memberi pendidikan kepada kanak-kanak di peringkat kecil ini, amat bersesuaian dengan hadis yang bermaksud, *'Menuntut ilmu sewaktu kecil itu seperti melukis di atas batu'*. (Hadis: Riwayat Thabrani).

Kerajaan perlu untuk terus memberi tumpuan dan menambah peruntukan dalam sektor pendidikan prasekolah. Kita amat menghargai usaha kerajaan yang memperuntukkan sebanyak RM530 juta dalam bajet 2014 bagi penyediaan program dan perkhidmatan prasekolah serta membina sebanyak 93 buah sekolah prasekolah.

Dalam usaha untuk meningkatkan kecemerlangan dan bagi menampung peningkatan jumlah penyertaan murid prasekolah, kerajaan perlu menambah peruntukan dalam bajet 2015 kepada RM795 juta, iaitu tambahan peruntukan sebanyak 50 peratus daripada bajet tahun 2014. Ini perlu diteruskan sehingga satu peringkat dimana kita mencapai sasaran seperti disarankan oleh beberapa negara maju iaitu nisbah murid dan guru tadika pada kadar 10:1 dengan bilangan memasukkan kanak-kanak ke prasekolah yang tinggi.

Peruntukan bajet yang lebih besar adalah bagi penyediaan program dan kurikulum yang seragam dan lebih efektif, penyediaan bahan pendidikan, peralatan dan kemudahan fizikal yang bersesuaian serta inovatif, menambah bilangan tenaga pengajar dan menyediakan program latihan yang terkini serta membina lebih banyak lagi prasekolah di seluruh negara.

Semua kanak-kanak perlu menikmati peluang yang sama dalam pendidikan prasekolah tanpa mengira pendapatan keluarga, kawasan tempat tinggal sama ada di bandar, luar bandar atau pendalaman terutamanya orang-orang Melayu yang kebanyakan tinggal di luar bandar. Justeru itu, adalah wajar kerajaan perlu menambah peruntukkan dalam memperkasa pendidikan prasekolah dengan membina lebih banyak lagi kelas prasekolah yang berkualiti di luar bandar dan kawasan pendalaman di seluruh negara.

Kerajaan juga perlu memberi penekanan kepada aspek kecemerlangan pendidikan prasekolah seperti meningkatkan kualiti guru dan pembantu guru yang terlatih. Kriteria kelulusan minima untuk guru prasekolah ialah Ijazah sarjana muda. Ia dapat menjamin

pendidikan yang berkesan dan berkualiti tinggi seiring dengan kemajuan teknologi dan era globalisasi masa kini.

Bagi memperkasa Bahasa Melayu diperingkat awal lagi, bilangan guru-guru yang mahir dan terlatih dalam bahasa Melayu perlu ditambah. Pembelajaran bahasa Inggeris juga sebagai bahasa kedua perlu diberi perhatian di peringkat prasekolah lagi. Selain itu, kemudahan asas pendidikan prasekolah yang mencukupi dan berkualiti di kawasan luar bandar dan pendalaman perlu di tingkatkan lagi agar setanding dengan kemudahan prasekolah di bandar. Ia dapat menarik minat kanak-kanak untuk hadir ke kelas dan dapat belajar dalam keadaan selesa.

Kerajaan juga perlu meningkatkan perkongsian pintar di antara kerajaan dan swasta dalam pendidikan prasekolah. Bagi menarik minat pihak-pihak swasta, insentif perlu diberikan kepada pengusaha-pengusaha prasekolah swasta di luar bandar dan pendalaman. Ia akan menggakkan pihak-pihak swasta untuk membina lebih banyak pusat pendidikan prasekolah yang berkualiti tinggi. Tetapi kerajaan perlu memantau dan menetapkan garis panduan kepada pusat pendidikan swasta agar ia menepati garis panduan yang ditetapkan.

Bagi membentuk kanak-kanak yang berakhlak tinggi dan mulia, pembelajaran agama Islam adalah penting selain pembelajaran akademik. Pendedahan asas ini adalah penting bagi meneruskan kesinambungan di peringkat sekolah rendah, menengah dan seterusnya university. Bagi tujuan ini, kerajaan perlu menyediakan guru-guru terlatih dan berkelulusan dalam bidang agama yang diiktiraf.

Sesungguhnya, bajet 2015 yang akan dibentangkan oleh YAB Perdana Menteri pada bulan Oktober depan kelak akan memberi manfaat besar kepada murid-murid prasekolah kearah melahirkan modal insan yang berketerampilan. Namun, kejayaan setiap dasar atau perancangan adalah bergantung kepada usaha keras setiap warga pendidik dalam menggalas tanggung jawab dan peranan yang telah diamanahkan kepada mereka.

